9 Pernyataan yang manakah betul tentang lebihan permintaan?


A Berlaku selepas kerajaan melaksanakan dasar harga minimum

B Wujud apabila perbelanjaan melebihi pendapatan pengguna

C Harga cenderung naik daripada keseimbangan asal

D Keluk permintaan pasaran akan beralih ke kanan

10 Rajah 4 berikut berkaitan dengan pasaran barang Q.



Rajah 4

Pernyataan yang manakah menerangkan perubahan dalam rajah tersebut?

A Berlaku lebihan penawaran

B Harga dan kuantiti baharu menurun

C Matlamat firma maksimumkan untung

D Keseimbangan baharu pada harga lebih tinggi

11 Antara berikut, faktor yang manakah mempengaruhi keanjalan permintaan telefon pintar?

I Jenis barangan

II Ketersediaan stok

III Bilangan firma dalam pasaran

IV Nisbah perbelanjaan dengan pendapatan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

12 Barang N mempunyai nilai keanjalan harga penawaran 2.8. Sekiranya harga barang N meningkat sebanyak 20%, kuantiti ditawarkan bagi barang N akan meningkat daripada 120 unit kepada

A 140 unit

B 168 unit

C 187.2 unit

D 192.2 unit

13 Antara berikut, yang manakah menyebabkan wang berfungsi sebagai alat bayaran tertunda?

A Tahan lama

B Mudah dibawa

C Kestabilan nilai

D Diterima umum

14 Antara yang berikut, yang manakah kemudahan kepada pemegang akaun semasa?

I Menerima kemudahan overdraf

II Menerima buku akaun simpanan

III Memperoleh kadar faedah yang tinggi

IV Membuat pembayaran menggunakan cek

A I dan II

B II dan III

C III dan IV

D I dan IV

25 Pilih pasangan yang **betul**.

	Perbelanjaan Kerajaan	Keterangan
A	Belanja Mengurus	Bertujuan meningkatkan kualiti infrastruktur Komunikasi dan Teknologi Maklumat
B	Belanja Mengurus	Contoh ialah Bantuan Awal Persekolahan
C	Belanja Pembangunan	Merupakan perbelanjaan semasa kerajaan
D	Belanja Pembangunan	Penyelenggaraan dan baik pulih harta kerajaan

26 Maklumat berikut menunjukkan bajet sebuah negara.

Butiran	RM juta
Hasil	180
Perbelanjaan	200

Penyataan yang manakah betul berkaitan dengan bajet tersebut?

A Bertujuan untuk mengatasi inflasi

B Kuasa beli pengguna berkurangan

C Pelaksanaan dasar fiskal mengembang

D Jumlah permintaan agregat dalam pasaran jatuh

27 Maklumat yang manakah betul tentang pelaksnaan dasar kewangan dalam mencapai objektif makroekonomi?

	Objektif makroekonomi	Tindakan	Kesan
A	Guna tenaga penuh	Menurunkan nisbah rizab berkanun	Peluang pekerjaan menurun
B	Kestabilan harga	Menjual surat jaminan kerajaan	Tingkat harga umum naik
C	Pertumbuhan ekonomi	Menaikkan kadar faedah pinjaman	Kos pengeluaran berkurang
D	Imbangan pembayaran	Melonggarkan syarat sewa beli	Aliran masuk wang meningkat

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi yang diamalkan oleh beberapa buah negara.

Sistem ekonomi pasaran bebas mengehadkan peranan kerajaan manakala sistem ekonomi campuran membenarkan campur tangan kerajaan bagi mengatasi kegagalan pasaran demi menjaga kebajikan masyarakat.

Pada pandangan anda, sejauh manakah campur tangan kerajaan diperlukan dalam sesuatu sistem ekonomi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan nilai Ringgit Malaysia.

> KUALA LUMPUR: Ringgit memulakan urus niaga 2026 dengan lebih mengukuh berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) susulan kelemahan dolar AS dan jangkaan perubahan kadar faedah global.
>
> Sumber: Diubah suai daripada Bernama, 2 Januari 2026

Bagaimanakah Bank Negara Malaysia mengukuhkan nilai Ringgit Malaysia (RM)?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 *markah*]

(c) Jadual 2 di bawah menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah Kos (RM)
0	150
1	220
2	**X**
3	370

Jadual 2

(i) Hitung nilai X apabila kos berubah RM180.

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan hubungan jumlah output dengan jumlah kos.

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[2 *markah*]

(d) Rajah 2 menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika (USD).



Rajah 2

(i) Tentukan kadar pertukaran Ringgit Malaysia dalam pasaran pertukaran asing

.....

[1 markah]

(ii) Sekiranya kadar pertukaran Ringgit Malaysia ialah RM5.00 seunit USD, apakah yang akan berlaku dalam pasaran pertukaran asing?

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5 / 2026
PERATURAN PEMARKAHAN
EKONOMI
KERTAS 2 (3767/2)

Soalan		Butiran	Markah
1 (a)	H1	Mengurangkan pengeluaran kerusi	1
	H2	Sebanyak 20 unit/ 60 kepada 40 unit	1
	H3	Menambah pengeluaran meja	1
	H4	Sebanyak 30 unit/ 70 kepada 100 unit	1
	H5	Untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum	1
	H6	Berlaku kos lepas bagi pengeluaran kerusi	1
	H7	Kos lepas semakin meningkat	1
	H8	Kuantiti kerusi yang dilepaskan untuk menambah pengeluaran meja	1
	H9	Pilihan N memberikan untung yang lebih tinggi	1
	H10	**Masih** mencapai guna tenaga penuh	1
	H11	Tambahan 1 unit meja melibatkan pengurangan 0.67 unit kerusi / tambahan 30 unit meja melibatkan pengurangan 20 unit kerusi	1
	H12	Kos lepas = $\frac{\text{Perubahan unit kerusi}}{\text{Perubahan unit meja}} = \frac{40 - 60}{100 - 70} / \frac{-20}{30}$	1
	H13	-0.67	1 **[Mak. 4m]**
1 (b)	H1	Mengatasi masalah monopoli pasaran	1
	H2	Firma yang menguasai pasaran akan mengenakan harga yang tinggi kepada pengguna	1
	H3	Mengawal harga barang dan perkhidmatan	1
	H4	Menetapkan harga barang kawalan	1
	H5	Melalui pemberian subsidi	1
	H6	Melaksanakan dasar harga maksimum	1
	H7	Mengawal eksternaliti negatif	1
	H8	Mengelakkan eksploitasi pengguna	1
	H9	Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan	
	H10	Pengenaan cukai ke atas barang yang membahayakan kesihatan	1
	H11	Menyediakan barang awam seperti pendidikan/keselamatan/kesihatan	1
	H12	Menyediakan kemudahan infrastruktur asas	1
	H13	Mengurangkan jurang pendapatan antara rakyat melalui sistem percukaian dan bantuan sosial/subsidi/bantuan kewangan	1
	H14	Memastikan pengagihan pendapatan rakyat lebih saksama/adil	1
	H15	Menstabilkan ekonomi ketika berlaku kemelesetan/inflasi melalui dasar fiskal/dasar kewangan	1
	H16	Menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat	1
	H17	Mengurangkan pengangguran	1
	H18	Mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan	1
	H19	Menjaga kebajikan/kesejahteraan rakyat	1
	H20	Melaksanakan program ekonomi awam	1 **[Mak. 5m]**

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Ekonomi (20+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta